

KENYATAAN TENDER

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa firma-firma perunding tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai perkhidmatan perunding berikut:

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	*JENIS SYARIKAT TEMPATAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/ MASA TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/KN001/ICE/02/26	PERKHIDMATAN JURUTERA PERUNDING BEBAS UNTUK CADANGAN KAJIAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM AIR TIDAK TERHASIL (NON-REVENUE WATER) KEBANGSAAN PENDEKATAN 1 FASA 2 BAGI NEGERI KEDAH	Syarikat Sdn Bhd atau Syarikat Diperbadankan di Malaysia	Kementerian Kewangan Kod Bidang 330101 (Kejuruteraan Awam) dan Lembaga Jurutera Malaysia (Awam) dan Orang Yang Berkelayakan diiktiraf oleh Suruhannya Perkhidmatan Air Negara	Tarikh: 19 Januari 2026 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Event Hall, Tingkat 33A, MOF Inc. Tower, No.9, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.	RM 300.00 Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai 19 Januari 2026 (Isnin)	Tarikh: 20 Januari 2026 (Selasa) Sehingga 30 Januari 2026 (Jumaat) Masa: 8.30 pagi hingga 5.00 petang	12 Februari 2026 (Khamis) Pada atau sebelum 12.00 tengahari KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

SYARAT-SYARAT UTAMA TENDER DI ATAS:

1. Firma telah beroperasi sekurang-kurangnya 5 tahun;
2. Firma mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang Jurutera Professional dengan Perakuan Amalan (PEPC) daripada Kejuruteraan Awam dengan pengalaman minima selama sepuluh (10) tahun dalam rekabentuk projek pembekalan air; dan
3. Firma pernah melaksanakan rekabentuk dan penyeliaan projek pembekalan air dengan nilai projek minima RM 20 juta untuk sebuah kontrak yang telah disiapkan dalam tempoh 10 tahun terkini.

1. **Taklimat Tender adalah DIWAJIBKAN.** Petender yang hadir sesi taklimat sahaja akan menerima pautan borang pembelian tender.
2. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara 'Electronic Fund Transfer'(EFT) di atas nama **Pengurusan Aset Air Berhad**. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.
3. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan lesen / sijil pendaftaran **ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).
4. Dokumen Tender boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

URUS SETIA TENDER

PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (Reg. No. 200601012793 (732544-D))
Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 5499 | Fax : 03 2614 5448 | Pegawai : Nur Safawati Md Salleh

5. Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan jelas di penjurutera sebelah kiri "Nombor Tender" dan "Tajuk Tender" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.
6. Pihak PAAB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran tender yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.